



SCIENTEX PACKAGING (AYER KEROH) BERHAD
(Dahulunya dikenali sebagai DAIBOCHI BERHAD)

KOD TATALAKU
UNTUK PEMBEKAL

KOD TATALAKU UNTUK PEMBEKAL

LATAR BELAKANG

Kumpulan Scientex Packaging (Ayer Keroh) Berhad (dahulunya dikenali sebagai Daibochi Berhad) ("SPAK") mengakui bahawa kesemua pembekalnya ialah rakan niaga yang baik dan berusaha untuk menjalankan urusan dengan mereka secara adil dan jujur bagi mencapai pembangunan mampan serta mewujudkan masyarakat dan persekitaran yang lebih baik.

Antara tujuan utama Kod Tatalaku ini adalah untuk memastikan kesemua pembekal mengetahui dan komited kepada prinsip kemampanan SPAK. SPAK menggesa para pembekalnya agar menyokong dan berusaha menerapkan amalan pembangunan mampan yang digabungkan dengan pengendalian perniagaan secara beretika ke dalam proses dan rantai bekalan masing-masing, seperti yang digariskan dalam Kod Tatalaku ini.

PEMAKAIAN

Kod Tatalaku ini terpakai untuk semua pembekal dan pekerja mereka, ejen, kontraktor dan entiti berkaitan yang terlibat dalam penyediaan barangan dan/atau perkhidmatan. Para pembekal hendaklah memastikan bahawa mereka memahami sepenuhnya Kod Tatalaku ini sama ada yang disampaikan secara terus kepada mereka atau dipaparkan pada laman web SPAK.

KOMITMEN TERHADAP ALAM SEKITAR

Para pembekal dikehendaki mematuhi semua undang-undang alam sekitar sedia ada dan digesa agar mengendalikan perniagaan mereka dengan menitikberatkan tanggungjawab terhadap alam sekitar bagi melindungi sumber asli serta mengurangkan kesan terhadapnya.

Bagi tujuan ini, para pembekal digalakkan supaya menerima pakai dan mengendalikan operasi dan prosedur mereka selaras dengan prinsip alam sekitar berkaitan seperti yang berikut:

- Para pembekal mestilah memastikan bahawa operasi mereka mendukung amalan alam sekitar yang baik (apabila dapat dilaksanakan) dengan mengendalikan dan menangani aspek utama kesedaran terhadap alam sekitar seperti yang berikut:
 - ❖ Kesan perubahan iklim termasuk pelepasan CO₂/GHG¹
 - ❖ Penggunaan tenaga
 - ❖ Penggunaan air
 - ❖ Kesan biokepelbagaian
 - ❖ Pencemaran
 - ❖ Pengurusan sisa
 - ❖ Penggunaan sumber secara bertanggungjawab

¹ Karbon Dioksida/ Gas Rumah Hijau

- Para pembekal mestilah mematuhi semua kaedah dan peraturan yang berkaitan, berhubung dengan alam sekitar melalui langkah-langkah yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - ✓ Sentiasa peka terhadap semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan alam sekitar, termasuk permohonan permit dan lesen.
 - ✓ Memudahkan pengendalian lawatan tapak, pemeriksaan dan audit yang dilakukan oleh pihak berkuasa atau pengawal selia.
 - ✓ Merangka dasar perlindungan alam sekitar dan menerima pakai standard dan sistem pengurusan alam sekitar yang bersesuaian.
 - ✓ Melaksanakan langkah pengurusan alam sekitar bagi mengurangkan kesan buruk terhadapnya akibat operasi perniagaan, produk, perkhidmatan mereka dan sebagainya.

Untuk panduan lanjut dan maklumat tambahan berhubung dengan komitmen SPAK terhadap alam sekitar, para pembekal digalakkan untuk menyemak dan memahami Dasar Alam Sekitar kami yang terdapat dalam laman web SPAK.

KOMITMEN SOSIAL

Tenaga Kerja dan Hak Asasi Manusia

Para pembekal hendaklah menggalakkan dan menyokong perlindungan hak asasi manusia dan dikehendaki melayan pekerja mereka dengan adil, penuh rasa hormat serta mematuhi undang-undang dan peraturan.

Untuk tujuan ini, para pembekal digalakkan supaya menerima pakai dan mengendalikan operasi dan prosedur mereka selaras dengan prinsip-prinsip yang berikut:

- Tidak akan mengambil mana-mana individu yang belum mencapai umur layak minimum pada peringkat tempatan untuk bekerja.
- Hanya akan mengambil individu atas kehendak mereka sendiri untuk bekerja. Tidak akan ada amalan buruh paksa atau tak dibayar, sama ada dipenjara, diikat, diikat kontrak, atau selainnya. Apa-apa bentuk pemerdagangan manusia dilarang sama sekali.
- Dilarang daripada mengamalkan diskriminasi terhadap kakitangan sedia ada atau bakal kakitangan berdasarkan warna kulit, etnik, kewarganegaraan, kepercayaan, umur, jantina, ketakupayaan, atau apa-apa sifat lain yang dilindungi di bawah statut, ordinan atau peraturan sedia ada.
- Akan melayan pekerja secara berintegriti dan, dengan penuh rasa hormat dan tidak akan menggunakan ancaman berbentuk kelangsangan, hukuman, pemaksaan atau penganiayaan.
- Akan menghormati hak pekerja untuk berkumpul dan membuat rundingan bersama secara sah dan aman.
- Akan mengikuti dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang mengawal selia amalan tenaga kerja di tempat pembekal menjalankan operasi.

Keselamatan dan Kesihatan

Para pembekal dikehendaki menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja yang sesuai, selamat dan sihat selaras dengan semua peraturan keselamatan dan kesihatan yang diguna pakai dalam bidang kuasa perundangan operasi.

Untuk tujuan ini, para pembekal digalakkan supaya menerima pakai dan mengendalikan operasi dan prosedur mereka selaras dengan prinsip-prinsip berkaitan sosial seperti yang berikut:

- Melaksanakan kawalan yang munasabah dan perlu untuk menyingkirkan atau mengurangkan risiko insiden, kecederaan dan pendedahan kepada bahan berbahaya yang memudaratkan.
- Menyediakan sumber yang cukup dan sewajarnya untuk menyokong amalan dan proses kerja yang selamat.
- Menyemak semula amalan dan proses keselamatan dan kesihatan demi penambahbaikan berterusan.

ETIKA PERNIAGAAN

Pelaksanaan amalan perniagaan secara beretika menjadi kunci untuk SPAK membina hubungan jangka panjang dengan pembekal. Oleh sebab itu, para pembekal dikehendaki menerima pakai dan mematuhi garis panduan etika SPAK seperti yang dinyatakan di bawah ini:

- **Urusan Perniagaan**

Para pembekal dikehendaki memastikan semua produk dan perkhidmatan yang disampaikan atau disempurnakan mematuhi keperluan spesifikasi, kualiti dan keselamatan seperti yang dikawal selia menurut undang-undang dan peraturan yang diguna pakai dan/atau seperti yang dipersetujui bersama antara pembekal dengan SPAK. Para pembekal hendaklah melakukan penyediaan, pengeluaran dan penyimpanan selamat dokumen dan rekod dengan sewajarnya dan betul selaras dengan keperluan undang-undang dan amalan perakaunan yang diguna pakai, termasuk apa-apa dokumen yang dikemukakan semasa berurusan dengan SPAK.

- **Pematuhan Undang-undang**

Para pembekal hendaklah mengendalikan perniagaan mereka dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang diguna pakai di negara dan bidang kuasa perundangan di tempat mereka beroperasi.

- **Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan**

Sogokan, peras ugut dan rasuah dilarang keras bagi semua pembekal. Semua urusan dan pengaturan perniagaan hendaklah dijalankan secara jujur, adil dan telus. Sogokan atau bentuk manfaat lain yang tidak adil atau tidak wajar yang memberi kesan atau mempengaruhi keputusan perniagaan tidak boleh dibenarkan, diluluskan atau diterima oleh mana-mana pembekal. Maklumat lanjut tentang langkah pencegahan rasuah dan penyelewengan SPAK boleh didapati dalam Dasar Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan SPAK seperti yang diterbitkan dalam laman web SPAK.

- **Kerahsiaan**

Para pembekal hendaklah menjaga kerahsiaan dan keselamatan semua maklumat bukan awam berkenaan dengan SPAK dan tidak boleh mendedahkan atau menzahirkan atau menyebabkan berlakunya pendedahan atau penzahiran apa-apa maklumat seumpamanya, termasuk harta intelek, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada SPAK.

- **Konflik Kepentingan**

Para pembekal dikehendaki memaklumkan dengan segera kepada SPAK sekiranya mereka menyedari terdapatnya apa-apa keadaan yang berupa konflik kepentingan atau seolah-olah konflik kepentingan.

- **Urusan secara Adil**

Para pembekal dikehendaki mengendalikan perniagaan mereka secara adil dan jujur dan tidak terlibat dalam apa-apa bentuk tindakan yang boleh menghalang persekitaran perniagaan yang adil dan berdaya saing, termasuk penipuan bidaan, kartel dan penyalahgunaan secara dominasi kedudukan tawar-menawar.

- **Komunikasi dengan Masyarakat Setempat**

Para pembekal digalakkan untuk mengadakan dan melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat yang mampan.

PEMANTAUAN

SPAK menghendaki para pembekalnya agar berupaya menunjukkan pematuhan terhadap Kod Tatalaku ini dalam rantai bekalan mereka yang mungkin termasuk pemantauan dan pengawalseliaan asas atau sumber bekalan. Penilaian pembekal baharu perlu dilakukan untuk memastikan pematuhan kepada keperluan Kod Tatalaku ini. Selain itu, penilaian juga boleh dilakukan ke atas pembekal apabila perlu. Penilaian mungkin termasuk soal selidik penilaian sendiri dan jika perlu, maklumat lanjut boleh diminta melalui panggilan telefon, perjumpaan dan audit di premis. Sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran, pelaporan mengikut prosedur sewajarnya akan dilaksanakan dan SPAK akan memulakan komunikasi secara terbuka dengan pembekal selepas pentaksiran dilakukan untuk menangani situasi tersebut bagi memastikan pematuhan dan penambahbaikan berterusan.

LAPORAN PELANGGARAN

Para pembekal boleh menyelesaikan aduan dan isu melalui prosedur yang dipersetujui bersama dan direkodkan secara telus yang diterima pakai dan diluluskan oleh semua pihak yang terlibat. Apa-apa pelanggaran terhadap Kod Tatalaku ini boleh dilaporkan kepada pegawai atasan atau Ketua Jabatan atau mana-mana wakil pengurusan SPAK yang berkenaan. Bagi mana-mana orang yang melaporkan pelanggaran, individu tersebut, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, mempunyai hak untuk dirahsiakan identitinya.

Sebagai pilihan lain, laporan tentang pelanggaran serius juga boleh dibuat melalui prosedur pemberi maklumat SPAK, iaitu mana-mana pihak boleh mengemukakan laporan secara sulit tanpa menyatakan nama mereka, jika dibenarkan di sisi undang-undang. SPAK mengamalkan Dasar Pemberi Maklumat tanpa tindakan balas dan menjamin bahawa tidak akan ada kesan buruk terhadap mana-mana pihak yang, secara jujur, memaklumkan kepada Pengurusan tentang kemungkinan berlakunya pelanggaran Kod Tatalaku ini.

KOMUNIKASI

Kod Tatalaku ini boleh diakses di laman web SPAK.

PANDUAN DAN BANTUAN

Sekiranya mana-mana pembekal ingin mengajukan kemusykilan atau soalan tentang penerapan Kod Tatalaku ini, sila hubungi Jabatan Pemerolehan atau Ketua Jabatan yang berkaitan untuk panduan atau perbincangan lanjut.

SEMAKAN SEMULA KOD TATALAKU

Kod Tatalaku ini boleh diubah suai atau dipinda oleh Lembaga Pengarah SPAK (“Lembaga”) dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan perlu. Pengubahsuaian dan pindaan boleh dilakukan sebagaimana perlu untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan dan/atau untuk disesuaikan dengan pembangunan organisasi serta perniagaan SPAK. Kod Tatalaku ini akan berkuat kuasa selepas mendapat kelulusan Lembaga dan setelah Kod ini disiarkan kepada umum.

Kod Tatalaku untuk Pembekal ini telah disemak semula oleh Jawatankuasa Pemandu Kemampanan dan diluluskan oleh Lembaga pada 22 Jun 2021 dan dikemaskini dengan nama syarikat yang baru pada 30 Disember 2021.